

Fahami punca pelajar pascasiswazah kecundang

Kolumnis

Oleh OTHMAN TALIB

Pensyarah Kanan di Jabatan Sains dan Pendidikan Teknikal, Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia



MUSIM konvokesyen pelajar lepasan siswazah atau pascasiswazah yang mengikuti program sarjana mahupun kedoktoran baru berakhir.

Tahniah kepada semua yang berjaya menamatkan pengajian. Kisah-kisah indah mereka yang berjaya terpapar megah, namun hampir tiada yang sudi menyingkap kisah di sebaliknya ramai pelajar pascasiswazah yang kecundang. Lebih malang lagi, kegagalan ini tentunya diletakkan sepenuhnya di atas bahu pelajar tersebut.

Menjalankan kajian dan menyiapkan tesis atau disertasi adalah antara kayu ukur kejayaan pelajar pascasiswazah. Banyak faktor yang menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan mereka menjalankan kajian dan menyiapkan penulisan tesis.

Tentunya faktor kegigihan dan usaha keras sering menjadi bualan. Namun saya suka menyingkap dua aspek penyeliaan yang tanpa disadari membantutkan kegigihan dan usaha keras itu, selain faktor luar kawal seperti sakit, pertukaran penyelia dan masalah kewangan.

Aspek pertama adalah saranan penyelia kepada pascasiswazah supaya mencari jurang kajian atau disebut kelompongan kajian sebelum memulakan kajian diikuti aspek kedua, penyediaan kertas cadangan atau *proposal* yang tebal dan terperinci.

Apakah jurang kajian? Terdapat berbagai definisi jurang kajian dan antara yang sering dimomokkan kepada pelajar pascasiswazah iaitu sesuatu yang belum dijalankan atau tidak lengkap dalam kajian-kajian lepas.

Dua definisi ini dikemukakan supaya pelajar mencari jurang ini dan seterusnya menjalankan kajian untuk mengisi jurang tersebut.

Terdapat satu persoalan besar yang bermain di minda pelajar pascasiswazah iaitu bagaimana untuk mengetahui kewujudan jurang kajian yang dimaksudkan sedang definisinya sangat kabur. Apakah yang dimaksudkan dengan 'sesuatu' tersebut?

Di sinilah semuanya bermula.



PENYEDIAAN kertas cadangan yang terperinci dan tebal memberi tekanan kepada pelajar pascasiswazah hingga ramai yang kecundang. – Gambar hiasan

Akibatnya, penyelia akan menyarankan pelajar membaca sebanyak mungkin artikel dalam sesuatu bidang untuk mencari jurang kajian. Ia sesuatu yang kononnya belum dikaji lagi atau tidak lengkap.

Malah, ada penyelia yang meminta pelajar membaca 100 artikel.

Maka bermulalah episod hilang punca apabila pelajar pascasiswazah cuba membaca artikel satu persatu dan membuat ringkasan. Sebagai novis dalam penyelidikan, membaca artikel bukan sesuatu yang mudah.

Masa terbuang

Maka banyaklah masa terbuang untuk memahami dan meringkaskan artikel yang dibaca, dengan harapan akan terilhamlah 'sesuatu' yang belum dilakukan dalam mana-mana kajian lepas.

Sebagai penceramah yang sering dijemput oleh pelajar pascasiswazah untuk berkongsi pandangan, saya dapati kesukaran ini adalah suatu yang ketara.

Ia menyebabkan ramai pelajar hilang arah dan semangat untuk meneruskan kajian malah ada yang menarik diri selepas beberapa semester. Belum lagi mereka diminta menyiapkan *proposal* yang tebal dan terperinci.

Ramai juga yang mengemukakan pelbagai jurang kajian namun tidak diterima oleh penyelia dengan alasan ia telah banyak dilakukan atau jurang tersebut dikemukakan secara tidak mendalam yang boleh memuaskannya hati penyelia.

Bayangkan tekanan yang dihadapi oleh pelajar pascasiswazah setelah membaca 100 artikel

untuk beberapa semester namun terus menghadapi kesukaran mengemukakan jurang kajian yang diminta.

Ramai yang kecewa, apabila *proposal* mereka yang mencecah ketebalan melebihi 50 muka surat ditolak kerana kegagalan mengemukakan jurang kajian yang 'jelas' pada kaca mata penyelia.

Malah, ramai juga yang diterima jurang kajiannya tetapi tersangkut pula di peringkat pembentangan *proposal*.

Kesukaran ini menjadi berganda apabila pelajar tersebut perlu menyediakan semula *proposal* baharu bermula dari awal dengan pembacaan ratusan artikel lagi.

Di sinilah ramai yang menarik diri, apatah lagi tempoh pengajian telah sampai ke penghujungnya. Namun, kisah mereka tidak pernah mendapat perhatian kerana tiada siapa yang peduli.

Kedua-dua aspek di atas iaitu pencarian jurang kajian dan penyediaan *proposal* yang tebal serta terperinci tidak mempunyai sebarang asas untuk memulakan satu kajian di peringkat pascasiswazah.

Kedua-duanya hanya tradisi lapuk yang menjadi amalan turun-temurun dalam dunia pascasiswazah.

Aspek utama yang perlu diberikan penekanan adalah pencarian masalah dalam bidang kajian yang boleh dikenal pasti daripada beberapa sumber.

Antaranya pendapat sarjana, ulasan pakar, isu dalam media masa, pengalaman dalam industri, laporan agensi, isu dalam persidangan, pembacaan isu-isu terkini dalam

penerbitan artikel tempatan dan antarabangsa serta saranan daripada pelbagai pihak.

Maka, pencarian masalah daripada pelbagai sumber ini tidak memerlukan pascasiswazah terlebih dahulu membaca ratusan artikel tanpa sebab. Penentuan masalah secara jelas akan memudahkan pascasiswazah mendapatkan artikel yang berkaitan dengan masalah tersebut untuk menyediakan *proposal*.

Bukan tesis mini

Proposal hanyalah satu rangka kajian yang dikemukakan untuk menunjukkan aspek-aspek utama kajian seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif, cadangan reka bentuk, analisis data serta cadangan aliran kerja penyelidikan.

Proposal yang lengkap tapi ringkas menjadi amalan universiti ternama seluruh dunia dengan menghadkan sekitar 2,500 dan 5,000 perkataan bagi penyediaan *proposal* peringkat sarjana dan kedoktoran masing-masing.

Ini bermakna *proposal* berada dalam julat lima hingga 10 muka surat dengan rujukan terkini daripada sumber paling relevan sekitar 10 hingga 20 rujukan sahaja.

Oleh kerana terdapat banyak sumber untuk mengenal pasti masalah yang sesuai untuk kajian, diikuti dengan penyediaan *proposal* yang lengkap tetapi ringkas, maka sebarang perbincangan dengan penyelia dapat dilakukan dalam masa singkat tanpa beban membaca ratusan artikel.

Proposal bukan tesis mini yang tebal seperti anggapan sebahagian penyelia. *Proposal* boleh sahaja berubah apabila kajian mula dijalankan, lebih-lebih lagi kajian kualitatif yang sering berubah-ubah sepanjang proses kajian berjalan.

Maka pencarian jurang kajian yang kabur dan penyediaan *proposal* yang tebal telah meragut banyak masa, merobek motivasi serta menyusahkan pelajar pascasiswazah.

Sebagai kesimpulan, amalan konservatif turun-temurun pencarian jurang kajian serta gesaan menyediakan *proposal* yang tebal telah banyak membantutkan perjalanan awal pelajar pascasiswazah, sedang pencarian masalah yang eksplisit adalah keperluan utama.